

# Tidak Hina Jadi **Penyanyi Busking-Aina**

Diberi peluang menyanyi lagu tema bagi filem Tombiruo: Penunggu Rimba berjudul Ribut Hati yang bakal menemui peminat di pawagam 12 Oktober ini merupakan satu penghormatan buat finalis Mentor Legend 2015, Aina Abdul untuk kembali dikenali peminat.

**P**rotege kepada Ella ini ada jawapan tersendiri mengapa dia menyepi selama beberapa tahun.

**MW :** Apa khabar dan mengapa sudah lama menyepi?

**AINA ABDUL :** Saya sihat Alhamdulillah. Selepas habis program realiti Mentor Legend 2015, saya menyambung kembali pengajian yang sudah tertangguh kerana mahu memberi

tumpuan kepada program ini. Saya belajar di UCSI University dalam bidang muzik. Pada masa yang sama, saya mengasah bakat dalam penulisan lagu. Insya-Allah, hujung bulan ini, *single* terbaru *Reminiscing* akan dilancarkan.

**MW :** Ramai lahir daripada program realiti, hanya menyerlah ketika pertandingan dan kemudian senyap, boleh komen sedikit?

**AINA ABDUL :** Tidak ada salahnya tentang pertandingan realiti yang dilahirkan di negara ini. Semuanya terpulang kepada rezeki masing-masing. Namun dalam hal ini, saya yang memilih untuk menyambung pengajian biarpun ada tawaran membuat *single* selepas habis pertandingan. Tapi saya

sempat buat satu *single*, lagu Melayu yang pernah diputarkan di radio. Selepas itu, saya beri tumpuan kepada pelajaran.

**MW :** Program popular tapi orang tak dikenali, apa komen mengenainya?

**AINA ABDUL :** Tipulah kalau cakap tak ada rasa tersisih mengenainya. Saya antara yang memasuki pertandingan akhir di mana juaranya adalah Zamil. Masing-masing sudah berjaya dan mencipta nama. Sebagai manusia biasa, memang kita akan terasa tetapi saya percaya, lambat atau cepat, semua itu adalah rezeki daripada Allah. Blar tidak berjaya dan dikenali sebagai nama besar, saya mengambil pendekatan berbeza, saya bermula dari bawah semula. *Busking*, menyanyi di pub, kafe dan sebagainya. Kalau orang tegur dan tanya betul ke ini Aina Mentor baru saya mengaku. Alhamdulillah, ada orang nampak bakat saya dan masih ada rezeki buat saya dalam industri seni.

**MW :** Menyanyi sambil *busking*, ada orang cakap tak?

**AINA ABDUL :** Saya memang tak kisah soal ini. Tak ada hinanya menyanyi di tempat sebegini kerana kita mencari rezeki dengan cara yang halal. Malah disebabkan *busking* inilah orang dengar dan ada yang mencari saya hingga dibukakan pintu rezeki merakamkan lagu Ribut Hati untuk filem hebat Tombiruo: Penunggu Rimba ini.

**MW :** Bagaimana perasaan diberi penghormatan untuk sebuah filem hebat ini?

**AINA ABDUL :** Sebelum rakamkan lagu, saya tak tahu pun projek ini untuk apa. Saya selalu bekerjasama dengan komposer untuk beberapa projek terdahulu. Pertama kali menyanyi meremang bulu rom, saya dapat merasakan filem ini akan meletup di pawagam. Sejurnya, saya merasakan ini peluang terbesar untuk nama dikenali semula. Mungkin inilah rezeki yang Allah ingin berikan kepada saya. Doakan ya! 

